

KES MAL MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI MELAKA

KES MAL BIL: 04100-016-0176-2007

DI ANTARA

XXXXXX

- PLAINTIF

DENGAN

XXXXXX

- DEFENDAN

[Mahkamah Tinggi Syariah Melaka (YAA Datuk Mahammad Bin Ibrahim, Ketua Hakim Syarie)

Undang-Undang Mahkamah Syariah-Tuntutan Mutaah -Bidangkuasa Mahkamah - Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002- Seksyen 58, Seksyen 60 dan Seksyen 66 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002-Kelayakan Plaintiff mendapatkan mutaah-Dakwaan Nusyuz oleh Defendan Tidak Dibuktikan-Kadar Mutaah.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

FAKTA KES:

1. Dalam kes ini Plaintiff telah bernikah dengan Defendan pada 6 Februari 1978. Pada mulanya penghidupan mereka aman damai dan tenteram. Walau bagaimana diakhir-akhir perkahwinan mereka telah dilanda krisis rumahtangga yang tidak dapat diselamatkan. Akhirnya mereka bercerai pada 21 Mac 2006.
2. Di dalam masa perkahwinan, mereka telah dianugerahkan 6 orang cahaya mata. Keenam-enam orang anak mereka semuanya masih hidup sehingga kini.
3. Di dalam tempoh 28 tahun perkahwinan mereka, Plaintiff sentiasa menjaga keperluan Defendan dengan baik, taat kepada segala arahan Defendan malah segala urusan rumah tangga dan penjagaan serta pendidikan anak-anak dilaksanakan dengan penuh sempurna serta bertanggungjawab.
4. Dalam masa perkahwinan mereka Plaintiff adalah seorang isteri yang taat dan tidak pernah disabitkan nusyuz oleh mana-mana Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.
5. Plaintiff percaya bahawa segala pengorbanan beliau sebagai seorang isteri dalam melayan suami dan anak-anak serta memberi kasih sayang kepada

anak-anaknya perlu diukur dan dinilai setelah diceraikan oleh suaminya. Semua pengorbanan mendidik serta memberikan kasih sayang tanpa bebelah bagi kepada anak, terutamanya dalam proses pembesaran anak-anak dalam memantau pembelajaran anak-anak wajar dihargai. Apatah lagi Plaintiff telah menjalankan perniagaan sampingan untuk membantu meringankan bebanan kewangan suami wajar dihargai dan dituntut kepada Defendan selama menjadi isteri kepada Defendan selama 28 tahun bersama Defendan.

6. Setelah diceraikan, Plaintiff telah membuat tuntutan muta'ah sebanyak RM151, 200.00 terhadap Defendan.

Diputuskan:

- 1) Mahkamah sabitkan tuntutan muta'ah Plaintiff sebanyak RM47, 0000.00.
Dengan ini Mahkamah hukumkan dan perintahkan Defendan XXXXXX hendaklah membayar muta'ah kepada Plaintiff sebanyak RM47, 000.00 (Empat Puluh Tujuh Ribu Sahaja).
- 2) Bayaran ini hendaklah dibuat secara ansuran atau tunai.
- 3) Perintah ini berkuatkuasa serta merta mulai hari ini, 9.5.2012.

Peguam

Plaintif : En. Adli Bin Ithnin daripada Tetuan Adli & Co.
Defendan : Tuan Mohd Faizal Bin Mohammad daripada Jabatan
Bantuan Guaman

Kitab-Kitab Yang Dirujuk

1. Kitab *أحكام الأسرة في الشريعة الإسلامية* oleh Dr.Ramadhan Ali al-Sayyid al-Syarnabasyi mukasurat 185
2. Kitab “Al-Bayan Fi Fiqh Al-Iman As-Syafeiy” karangan Al-Imam Al-Imraniy, jld.9, hlm. 432, cetakan Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah Beirut Lebanon
3. Kitab “ *Fiqh al-Kitab Wa al-Sunnah* “ oleh Dr Amir Abdul Aziz jilid 1, mukasurat 484
4. Kitab l’aanah Al-Talibin oleh Al-Sayid Al-Bakri dalam Jilid 3, halaman 356 Cetakan Dar al-Fikr
5. Kitab Kifayatul Akhyar juzuk 2, muka surat 82
6. Kitab l’anah Al-Talibin juzuk 4 muka surat 78
7. Kitab “ *الفقه الشافعي الميسر* ” karangan Prof Dr. Wahbah az-Zuhailiy, hlm. 99 jld.2, cetakan Dar al-Fikr tahun 2008

Undang-Undang Yang Dirujuk

1. Seksyen 49(3)(b)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002
2. Seksyen 58, Seksyen 60(2)(a)(b)(c) dan Seksyen 66 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002
3. Arahan Amalan Bil 11 Tahun 2001

Kes-Kes Yang Dirujuk

1. XXXXXX lwn XXXXXX JH 21/1 muka surat 71
2. XXXXXX v XXXXXX (1983)3 JH 220
3. XXXXXX v XXXXXX (1987)7 JH 72
4. XXXXXX v XXXXXX (1980)3 JH 125;
5. XXXXXX v XXXXXX (1971)2 JH 108
6. XXXXXX lwn XXXXXX JH 18/2 muka surat 259,
7. XXXXXX lwn XXXXXX (1978) Jld 1 muka surat 75,

8. XXXXXX lwn XXXXXX JH (1995) Jld X, 33
9. XXXXXX lwn XXXXXX (2004) Syariah muka surat 316

ALASAN PENGHAKIMAN OLEH Y.A.A DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM, KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA

A. BIDANG KUASA:

1. Mahkamah mempunyai kuasa membicarakan dan memutuskan kes ini berdasarkan **Seksyen 49(3)(b)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002** iaitu :-

(i) *Pertunangan, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (Faraq) atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri.*

Mengikut **Seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002** .

Seksyen 58:

“Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon Muta’ah atau pemberian sagu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah

boleh selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut memerintahkan suami membayar apa-apa jumlah wang yang wajar dan adil mengikut Hukum Syarak”.

2. Kes ini adalah merupakan satu kes tuntutan muta’ah yang telah difailkan oleh Plaintiff melalui tuntutan Kes Mal No: 04100-016-0176-2007. Tuntutan ini difailkan terhadap Defendan melalui satu Saman bertarikh 01.08.2007 dan Penyata Tuntutan bertarikh 27.06.2007.
3. Melalui saman tersebut Plaintiff menuntut sebanyak RM151, 200.00 sebagai bayaran muta’ah daripada Defendan hasil perkahwinannya selama 28 tahun.
4. Menurut keterangan bersumpah Plaintiff, beliau menyatakan bahawa:-
 - a) Sepanjang tempoh perkahwinan selama 28 tahun, Plaintiff telah melahirkan 6 orang anak, mendidik serta membesarkan anak dan memberi pelajaran kepada mereka.
 - b) Plaintiff juga menjaga anak-anak semasa mereka sakit di hospital.
 - c) Rumahtangga berjalan dengan baik. Segala urusan rumah tangga, beliau uruskan seperti memasak, mengemas rumah, menjaga makan minum dan pakaian bekas suami serta menghantar anak ke sekolah.

- d) Hubungan suami isteri (seks) adalah baik, Plaintiff lakukan yang terbaik untuk suami. Tidak pernah disabitkan nusyuz.
- e) Plaintiff ada terlibat jualan langsung kerana hendak membantu suami dengan pendapatan yang tidak seberapa dan untuk keselesaan anak-anak.
- f) Plaintiff boleh bahagikan masa untuk menjalankan tanggungjawabnya sebelum keluar rumah iaitu memasak dan menguruskan keperluan anak-anak ke sekolah.
- g) Plaintiff mendapat keizinan daripada suami, sebab demi kepentingan bersama.
- h) Plaintiff tidak pernah ditangkap khalwat.
- i) Plaintiff juga menjaga ibu mertua.
- j) Rumahtangga Plaintiff tidak mempunyai pembantu rumah. Plaintiff menguruskan sendiri dan suami ada menolong.
- k) Plaintiff menuntut muta'ah RM151,200.00
- l) Defendan adalah seorang tentera semasa Plaintiff berkahwin dengan beliau.
- m) Selepas 15 tahun Defendan bekerja dengan TNB dan mendapat gaji sebanyak RM1, 700.00 sebulan.
- n) Defendan ada rumah sewa di Taman Bukit Katil, rumah teres 2 tingkat dan hasil sewa diambil oleh Defendan.
- o) Defendan juga telah mendapat wang EPF sebanyak RM56,000.00

p) Defendan juga telah menerima wang gratuity Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak RM46,800.54

q) Defendan juga mempunyai 2 buah rumah yang beralamat seperti berikut:-

i. Lot. 963, Kampung Ladang, Semabok. Tanah tersebut di atas nama Plaintiff dan rumah didiami oleh Defendan.

ii. Sebuah rumah lagi di No. 22, Jalan Bayan 4, Taman Bukit Katil, Melaka.

r) Tuntutan muta'ah Plaintiff ini munasabah kerana pengorbanan yang telah beliau lakukan terhadap Defendan dan juga mendidik anak-anak sehingga Berjaya.

s) Defendan mengeluarkan beliau daripada rumah kelamin dan tinggal sehelai sepinggan dan tiada tempat untuk tinggal.

t) Anak-anak langsung tidak dibenarkan oleh Defendan untuk berjumpa beliau.

5. Dan semasa disoal balas oleh Peguam Syarie Defendan, Plaintiff menyatakan seperti berikut:-

a. Plaintiff menuntut RM400.00 sebulan sejak saya nikah pada 6.2.1978.

- b. Pada 1978, ada membuat pemotongan gaji sebanyak RM300.00 tetapi Plaintiff tidak terima kerana kena serahkan semula kepada Defendan.
 - c. Pada 1978, Plaintiff sudah menerima RM300.00 sebulan untuk nafkah isteri secara potongan gaji tapi terpaksa pulangkan kepada Defendan.
6. Plaintiff mengemukakan 5 orang saksi dan secara konsisten kesemua saksi menyatakan seperti berikut :-
- a) Plaintiff adalah isteri yang baik dan tidak pernah disabitkan dengan kesalahan nusyuz oleh mana-mana Mahkamah Syariah.
 - b) Plaintiff seorang isteri yang bertanggungjawab terhadap Defendan sepanjang tempoh perkahwinan.
 - c) Plaintiff di dalam tempoh 28 tahun perkahwinan, tiada pembantu rumah untuk membantu beliau menguruskan rumahtangga, anak-anak ke sekolah, memasak dan sebagainya.
 - d) Plaintiff di atas niat suci untuk membantu meringankan masalah kewangan keluarga, telah menceburi perniagaan '*direct selling*' sehingga berjaya dan Defendan memang mengizinkan usaha Plaintiff
 - e) Defendan berkemampuan untuk membayar tuntutan Muta'ah kepada Plaintiff kerana beliau ada pencen dan ada beberapa harta di atas nama Defendan.

- f) Sepanjang tempoh perkahwinan, kesemua anak diuruskan dengan baik oleh Plaintiff sehingga dewasa dan mempunyai anak yang Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu anak kedua.

B. KETERANGAN DEFENDAN DAN SAKSI-SAKSI DEFENDAN:

1. Defendan dalam keterangannya menyatakan bahawa sekarang Defendan adalah seorang pesara. Pencen tentera yang diperolehi sekitar RM900.00 sahaja dan tiada pendapatan lain.
2. Defendan juga memaklumkan bahawa semua anak-anak tinggal dengan Defendan selepas perceraian berlaku.
3. Defendan memberi keterangan bahawa Plaintiff seorang yang bercakap bohong, mungkir janji dan khianat kepada amanah dan menyatakan ini adalah punca perceraian berlaku.
4. Saksi-saksi Defendan secara asasnya memberi keterangan bahawa Plaintiff seorang yang semakin lama semakin kurang perhatian terhadap rumahtangga. Saksi-saksi Defendan adalah anak-anak Defendan dan Plaintiff sendiri.
5. Saksi-saksi juga memberi keterangan bahawa sejak terlibat dengan “*direct selling*”, Plaintiff banyak mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu.
6. Saksi-saksi Defendan juga menyatakan bahawa Defendan tidak pernah memberi kebenaran kepada Plaintiff membuat kerja “*direct selling*”, dan

Defendan pernah menyuruh Plaintiff berhenti setelah banyak masalah terjadi dan Defendan mampu untuk tanggung keluarga tetapi tidak diendahkan Plaintiff.

7. Saksi kedua Defendan, XXXXXX menyatakan bahwa sebab kenapa Defendan tidak suka Plaintiff buat jualan langsung adalah kerana pergaulan tidak terbatas dan bebas Plaintiff, kurang masa Plaintiff bersama keluarga serta tanggungjawab Plaintiff dalam rumahtangga ada yang diabaikan.
8. Saksi-saksi memberi keterangan bahawa pendapatan Defendan semasa perkahwinan cukup untuk menampung keluarga dan Plaintiff tidak perlu bekerja jualan langsung.
9. Saksi-saksi juga sahkan Defendan seorang pesara dan tidak mempunyai pendapatan yang banyak.
10. Di dalam keterangan bersumpah Plaintiff dan saksi Plaintiff serta keterangan Defendan serta saksi Defendan, Mahkamah berpendapat terdapat beberapa isu-isu yang ditimbulkan dalam kes ini.
11. Isunya samaada pihak Plaintiff berhak menuntut muta'ah sebanyak RM151, 200.00 setelah 28 tahun bersama Defendan. Samaada muta'ah itu wajib diberikan kepada isteri sedangkan ada dakwaan daripada suaminya bahawa Plaintiff adalah seorang yang nusyuz. Sekiranya disabitkan nusyuz, adakah Plaintiff berhak terhadap tuntutan muta'ah tersebut. Sekiranya tidak disabitkan nusyuz, berapakah kadar muta'ah yang patut diterima oleh Plaintiff.

KEWAJIPAN MEMBERI MUTA'AH DARI SEGI HUKUM SYARAK

Apakah yang dimaksudkan dengan muta'ah mengikut hukum syarak.

1) Mengikut Kitab كفاية الأخيار

قال صاحب كفاية الأخيار : فصل في المتعة : وهي إسم للمال الذي يدفعه الرجل إلى إمراته لمفارقتها إياه .

Maksudnya:

Di dalam kitab Kifayah al-Akhyar al-Muta'ah ialah; Nama bagi sesuatu harta yang diberikan kepada Isteri kerana suami menceraikannya.

2) Mengikut pandangan Dr.Ramadhan Ali al-Sayyid al-Syarnabasyi didalam kitabnya أحكام الأسرة في الشريعة الإسلامية mukasurat 185.

قال دكتور رمضان علي السيد الشرنباصي في كتابه

المتعة : بضم الميم وقد تكسر

أما هي لغة : التمتع

وأما هي شرعا : إسم المال يدفعه الزوج لزوجته التي فارقتها

Mengikut pandangan Dr.Ramadhan Ali al-Sayyid al-Syarnabasyi didalam kitabnya أحكام الأسرة في الشريعة الإسلامية mukasurat 185. Kalimah “Al-Muta'ah

boleh dibaca dengan DOMMAHkan MIM dan kadang-kadang boleh diKasrahkan huruf MIM.

Muta'ah menurut bahasa: *"Sesuatu yang menyenangkan"*

Muta'ah menurut Hukum Syarak: *"Nama sesuatu harta yang diberikan oleh suami kepada isterinya yang telah diceraikan"*.

3) Dalil Quran dan Hadis mengenai Muta'ah.

a) Firman Allah dalam surah Al Baqarah ayat 241.

وَلِلْمُطَلَّقاتِ مَتاعٌ بِالمَعروفِ حَقَّاعِلِ المَتَقينَ

Terjemahannya: *Dan bagi isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat muta'ah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib bagi orang-orang yang bertakwa.*

قال الله تعالى : حَقَّاعِلِ المَحسِنينَ

Terjemahan: *Firman Allah Taala: Muta'ah itu adalah tanggungan yang wajib ke atas orang-orang yang Muhsin (orang yang berbuat kebaikan)*

Surah al-Baqarah 237

Kata Dr. Ramadhan Ali as-Syaiyid al-Syarnabasyi di dalam kitabnya “Ahkam al-usrah” mukasurat 185:

قال الله تعالى (حقا على المحسنين) فقد دلت الآية – كما هو مقرر عند علماء الأصول - عند الإطلاق يفيد
الوجوب

Berdasarkan ayat diatas secara umumnya menunjukkan kepada Hukum wajib memberi Muta’ah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Ulama usul al-Fiqh

b) Dalil As-Sunnah:

عن جابر بن عبد الله (رضي الله عنهما) قال : لما طلق حفص بن المغيرة امرأته فاطمة فأتت النبي (صلى الله عليه وسلم) فقالت لزوجها : متعها : قال : لا أجد ما أمتعها ، قال : (فإنه لا بد من المتاع ، قال : متعها ولو نصف صاع من تمر . رواه البيهقي

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah (r.a.h), Katanya: Bila mana Hafz bin Mughirah mentalaqkan isterinya Fatimah, Fatimah terus menemui Baginda Rasulullah (s.a.w) mengadu hal tentang dirinya yang telah diceraikan oleh suaminya. Bila Baginda Rasulullah (s.a.w) mendengar dakwaan Fatimah itu, lalu Rasulullah (s.a.w) pun memerintahkan kepada suami Fatimah memberi Muta’ah kepada isterinya. Jawab (suami) Hafz bin Mughirah: Wahai Rasulullah (s.a.w), Aku tidak ada apa-apa yang boleh ku berikan kepada isteriku sebagai Muta’ah. Jawab Baginda Rasulullah (s.a.w) awak mesti memberi Muta’ah kepada isteri

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

awak. Sabda rasulullah (s.a.w) lagi berikanlah Muta'ah kepada isterimu walaupun setengah gantang daripada tamar.

- 4) Merujuk di dalam kitab “Al-Bayan Fi Fiqh Al-Iman As-Syafeiy” karangan Al-Imam Al-Imraniy, jld.9, hlm. 432, cetakan Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah Beirut Lebanon ada menyebut:

Pendapat Qaul Jadid

قال في الجديد : لها المتعة

Kata Imam Al-Shafie dalam pendapat Jadidnya bahawa perempuan yang ditalak itu berhak mendapat muta'ah.

وبه قال عمر ، وعلي ، والحسن بن علي ، وابن عمر رضي الله عنهم وأرضاهم ، ولا

مخالف لهم من الصحابة رضي الله عنهم .

قال المحاملي : وهو الأصح ، لقوله - تعالى - (و للمطلقات متاع بالمعروف حقا

على المتقين) (البقرة : 241) فجعل الله - سبحانه وتعالى - المتعة لكل مطلقة

Pendapat ini adalah selari dengan pendapat Saidina Umar, Saidina Ali, Saidina Hasan Ibnu Ali, Saidina Abdullah Ibnu Umar.

Pendapat mereka ini tidak disanggah oleh mana-mana di kalangan para sahabat Nabi (s.a.w) yang lain.

Kata Imam Al-Mahamiliy: Pendapat ini adalah pendapat yang " الأصح "

Ini adalah kerana Allah Taala berfirman:

"Bagi perempuan-perempuan yang ditalaqkan oleh suaminya, bagi mereka hak muta'ah pemberian yang patut bagi mereka".

5) Ayat di atas menunjukkan bahawa setiap perempuan yang ditalaqkan oleh suaminya adalah berhak mendapat muta'ah.

6) Ini dikukuhkan oleh pandangan Imam As-Syirazi di dalam kitab "Al-Tanbih"

قال صاحب التنبيه : كل فرقة وردت من جهة الزوج بإسلام أو ردة أو لعان أو خلع فحكمه حكم الطلاق في إيجاب المتعة .

"Tiap-tiap perceraian yang datang dari pihak suami samada kerana masuk Islam atau murtad, Li'an atau khulu' maka hukumnya adalah seperti hukum Talaq pada mewajibkan kepada si suami memberi Muta'ah kepada isterinya yang telah diceraikan.

- 7) Dr. Ramadhan Ali as-Syaiyid al-Syarnabasyi menyebut di dalam kitabnya Ahkam al-Ussrah:

وقد أوجب الشافعي المتعة علي الزوج لكل مطلقة سواء أكان طلاقها قبل الدخول أم كان بعده وسواء كان الطلاق بعد الدخول رجعيًا أم بائنًا إلا أن يكون سبب الفراق من الزوجة وحدها أو منها ومن الزوج معا .

"Imam as-Syafie telah mewajibkan Muta'ah ke atas suami bagi setiap talaq samada sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh dan juga samada Talaq Rajei ataupun Bain kecuali perceraian yang berpunca dari sebab Isteri (seperti Murtad atau memerdekakannya atau ujud ai'b padanya) atau berpunca dari kedua-dua pihak suami isteri (seperti kedua-duanya murtad)"

- 8) Ini berdasarkan firman Allah Taala :

فَامْسَاكِ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِحِي بِإِحْسَانٍ

Terjemahan: Maka ambillah isteri kamu cara baik dan lepaskannya dengan cara Ihsan.

- 9) Menurut pandangan Dr. Ramadhan Ali dengan cara memberi Muta'ah adalah ihsan yang dituntut oleh Syarak, maka oleh sebab itu pemberian Muta'ah selepas penceraian adalah wajib ke atas suami.

10) Begitu juga Dr Amir Abdul Aziz menyebut didalam kitabnya “ *Fiqh al-Kitab Wa al-Sunnah* “ jilid 1, mukasurat 484 :

ذهب الشافعية إلى وجوب المتعة لكل مطلقة . وإليه ذهب ابن عباس وابن عمر وعطاء وجابر بن زيد وسعيد بن جبير والحسن لبصري وأحمد وإسحق .

Ulama Syafiah mewajibkan Muta'ah bagi tiap-tiap Talaq. Pandangan ini disokong dengan pandangan Abdullah ibnu Abbas, Ibnu Umar, A'ta', Jabir ibnu Zaid, Said bin Jubir, Hassan al-Basri, Imam Ahmad dan Imam Ishak.

11) Daripada dalil Al-Quran dan Sunnah serta beberapa pendapat ulama yang telah dinyatakan di atas menunjukkan bahawa Muta'ah adalah wajib diberikan isteri yang telah diceraikan oleh pihak suaminya.

12) Setelah mengetahui Muta'ah adalah wajib diberikan kepada isteri yang telah diceraikan, maka timbul persoalan adakah wajib pula pihak isteri untuk membuktikan bahawa:

- i. Adakah wujud ikatan perkahwinan yang sah mengikut hukum syarak di antara Plaintiff dan Defendan?
- ii. Adakah perceraian tersebut disebabkan oleh Defendan atau Plaintiff?
- iii. Adakah dakwaan Plaintiff curang dibuktikan oleh Defendan?
- iv. Adakah dakwaan nusyuz terhadap Plaintiff dibuktikan oleh Defendan?

- v. Berapakah kadar Muta'ah yang mampu di bayar oleh Defendan kepada Plaintiff.

PERSOALAN PERTAMA

ADAKAH WUJUD PERKAHWINAN ANTARA PLAINTIF DAN DEFENDAN.

1. Mengenai persoalan fakta pertama pihak Plaintiff telah dapat membuktikan bahawa mereka telah berkahwin pada 6.42.1978 dan bercerai pada 21.3.2006. Ini bermakna telah wujud ikatan perkahwinan yang sah mereka selama 28 tahun. Pihak Plaintiff telah menunjukkan surat nikah dan sijil perceraian yang asal kepada Mahkamah yang ditandakan sebagai P1 untuk sijil nikah dan P2 untuk sijil cerai.
2. Fakta ikatan perkahwinan di antara Plaintiff dan Defendan juga tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Maka, sememangnya terdapat ikatan perkahwinan yang sah di antara Plaintiff dan Defendan. Secara tidak langsung, bila wujudnya ikatan perkahwinan, maka Plaintiff adalah menepati dan memenuhi syarat-syarat kelayakan dari hukum syara' untuk menuntut muta'ah sepertimana yang terkandung dalam pendapat Al-Sayid Al-Bakri dalam kitab l'aanah Al-Talibin Jilid 3, halaman 356 Cetakan Dar al-Fikr, yang menyatakan

“Bayaran muta'ah wajib ke atas suami yang telah menceraikan isterinya setelah disetubuhi....”

3. Plaintiff dan Defendan juga dikurniakan anak seramai 6 orang. Maka sudah tentulah telah berlaku hubungan suami isteri antara Plaintiff dan Defendan secara sah serta menepati kriteria bahawasanya Plaintiff berhak untuk mendapatkan muta'ah daripada Defendan.

PERSOALAN KEDUA

ADAKAH PERCERAIAN DISEBABKAN OLEH PLAINTIF?

4. Mengenai persoalan fakta yang kedua, pihak Plaintiff telah dapat membuktikan bahawa punca perceraian adalah disebabkan oleh Defendan. Dalam keterangan Defendan kepada Mahkamah bahawa Defendan telah mendakwa bahawa perceraian itu disebabkan oleh Defendan sendiri. Defendan mendakwa isterinya bersikap khianat, mungkir janji, bohong, serta curang. Kerana itulah Defendan menceraikan isterinya.

5. Mahkamah merujuk kepada pandangan Al-Sayid Al-Bakri dalam kitab l'aanah Al-Talibin Jilid 3, halaman 356 Cetakan Dat al-Fikr, yang menyatakan

“Bayaran muta'ah wajib ke atas suami yang telah menceraikan isterinya setelah disetubuhi di mana perceraian itu bukan berpunca dari perbuatannya (isteri) seperti murtad atau difasakhkan nikah disebabkan keaiban suami dan isteri.”

6. Oleh yang demikian, dalam persoalan isu ini, sebab perceraian adalah berpunca daripada Defendan, maka Plaintiff juga berhak untuk menuntut muta'ah daripada Defendan.
7. Mahkamah merujuk kepada kes **XXXXXX lwn XXXXXX JH 21/1 muka surat 71**, Hakim Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Bicara yang mana telah memutuskan bahawa perceraian adalah disebabkan oleh suami, maka si isteri berhak untuk menuntut muta'ah daripada suami.
8. Timbul persoalan isu dalam kes ini, walaupun suami (Defendan) menceraikan Plaintiff tetapi Defendan mendakwa bahawa perceraian tersebut disebabkan oleh pihak Plaintiff dan bukannya Defendan. Sebab itu Defendan mendakwa bahawa Plaintiff tidak berhak menuntut muta'ah daripadanya. Dalam persoalan ini, Mahkamah akan melihat siapakah punca yang menyebabkan berlakunya perceraian samaada Plaintiff atau Defendan.
9. Di dalam **Seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002** telah jelas menyebut bahawa seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang sepatutnya oleh suaminya, maka ia berhak untuk menuntut muta'ah daripada suaminya. Maka dalam kes ini saya dapati pihak isteri yang telah memfailkan perceraian tetapi Defendan tidak setuju. Akhirnya Defendan bersetuju untuk menceraikannya dengan alasan isterinya mungkir janji dan khianat kepada amanah serta curang kepadanya.

10. Daripada keterangan yang diberikan seolah-olah menggambarkan perceraian berlaku disebabkan oleh Plaintiff. Namun begitu setelah diamat-amati, Mahkamah dapati punca perceraian adalah disebabkan oleh Defendan, bukan Plaintiff. Ini adalah kerana seorang isteri berhak menuntut perceraian daripada suaminya mengikut hukum syara'. Walaupun dalam kes ini isteri menuntut perceraian bukan bermakna isteri adalah penyebab berlaku perceraian. Mungkin Plaintiff hanya membuat permohonan perceraian disebabkan sikap suaminya yang menuduhnya dengan pelbagai pertuduhan yang mungkin kalau dibiarkan akan mendatangkan pelbagai fitnah kepada Plaintiff.

11. Ada juga perceraian disebabkan oleh suami. Walaupun isteri membuat permohonan perceraian. Ini kerap berlaku kepada isteri kerana para isteri telah dikasari, dipukul dan dizalimi hingga menyebabkan isteri tercedera. Maka apakah dalam isu ini isteri yang memfailkan perceraian dipersalahkan. Dalam kes ini isteri yang memfailkan perceraian di Mahkamah tidak patut dipersalahkan. Apatah lagi dalam kes ini punca perceraian yang didakwa oleh suami adalah berpunca daripada isteri telah tidak dibuktikan di Mahkamah.

12. Kebanyakan kes yang berlaku di Mahkamah adalah berpunca daripada sikap suami yang menyebabkan punca ianya bercerai. Sehubungan dengan itu muta'ah diwajibkan kepada suami apabila suaminya mentalakkannya. Ini adalah selaras dengan Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 241 yang bermaksud:-

“Dan bagi isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat muta’ah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib bagi orang-orang yang bertakwa”.

13. Sungguhpun muta’ah diwajibkan ke atas suami, namun begitu para ulama’ telah berselisih pendapat mengenai siapakah punca perceraian. Mengikut pendapat Imam As-Syirazi dalam Kitabnya Al-Tanbih

“Tiap-tiap perceraian yang datang dari pihak suami samaada kerana masuk Islam atau murtad, lian atau khulu’, maka hukumnya adalah seperti hukum talak pada mewajibkan kepada si suami memberi muta’ah kepada isterinya yang telah diceraikan.”

14. Daripada pandangan ulama’ tersebut menunjukkan bahawa wajib bagi suami memberikan muta’ah kepada isteri kerana punca perceraian tersebut disebabkan oleh pihak suami seperti masuk islam, murtad, lian atau khulu’.

15. Manakala Imam as-Syafie mewajibkan muta’ah bagi setiap talaq samaada bersetubuh atau selepas bersetubuh samaada talak rajie ataupun bain, Kecuali perceraian yang berpunca dari sebab isteri seperti murtad atau memerdekakannya atau wujud aib pada isterinya atau berpunca dari kedua-dua suami isteri murtad. Pendapat Imam As-Syafie jelas memberikan pengecualian terhadap kewajipan muta’ah ke atas suami. Sekiranya

perceraian itu berpunca daripada isterinya yang murtad atau wujud aib pada isterinya.

16. Atas sebab-sebab atau punca ini sahaja yang boleh diterima oleh Mahkamah.

Sekiranya disebabkan oleh perkara atau punca yang lain selain dari itu, maka Mahkamah tidak menerima.

17. Di dalam kes ini saya berpendapat bahawa isteri atau Plaintiff tidak mempunyai ciri-ciri tersebut untuk dikaitkan sebagai punca perceraian. Maka dengan ini Mahkamah menolak hujahan yang mengatakan perceraian ini disebabkan atau berpunca daripada Plaintiff.

PERSOALAN KETIGA

ADAKAH DAKWAAN PLAINTIF CURANG DIBUKTIKAN OLEH DEFENDAN?

1. Di dalam keterangan saksi-saksi Defendan, iaitu anak Plaintiff sendiri ada menyatakan bahawa Plaintiff berlaku curang terhadap Defendan. Namun dakwaan perbuatan curang tidak dibuktikan oleh saksi Defendan tersebut.
2. Maka dakwaan curang tersebut tidak boleh diterima oleh Mahkamah kerana pengataan tersebut adalah pengataan semata-mata dan tidak bersandarkan bukti-bukti yang kukuh. Malah dakwaan tersebut tidak memenuhi kehendak

dakwaan sepertimana yang dikehendaki oleh hukum syara' iaitu ان ت كون
م فصله ب أن ي فصل المدعي ما ي دعيه

Maksudnya: Dakwaan seseorang yang mendakwa itu hendaklah terang dan menghuraikan secara terperinci.

3. Malahan tuduhan yang tidak berasas ini boleh dituduh sebagai qazaf kerana menuduh seseorang berlaku curang atau berzina tanpa membawa 4 orang saksi.
4. Menuduh seseorang yang baik lagi suci berzina tanpa mengemukakan empat orang saksi lelaki yang adil hukumnya adalah haram dan termasuk dalam dosa besardan wajib dikenakan hukuman had Qazaf (sebat) sebanyak 80 kali sebat, dan tidak boleh diterima penyaksiannya selama-lamanya kerana dia adalah orang fasiq. Sebagaimana Firman Allah Taala yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan zina kepada perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi. Maka sebatlah mereka 80 kali sebat, dan janganlah kamu terima persaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka itu adalah orang yang fasiq".

(Surah An-Nur ayat 4)

5. Namun di dalam kes ini, saksi Defendan kedua yang merupakan anak kepada Plaintiff meminta maaf daripada Plaintiff setelah memberi keterangan

bahawa kononnya ibunya telah berlaku curang. Maka secara tidak langsung, ini menunjukkan tiada bukti dan tiada perbuatan curang yang dilakukan oleh Plaintiff ke atas Defendan. Ini menunjukkan bahawa dakwaan Defendan tanpa dibuktikan adalah tidak boleh diterima oleh Mahkamah.

PERSOALAN KEEMPAT

ADAKAH DAKWAAN NUSYUZ TERHADAP PLAINTIF TELAH DIBUKTIKAN OLEH DEFENDAN?

1. Di dalam tindakan ini, Defendan telah mendakwa bahawa Plaintiff telah berlaku nusyuz ke atas Defendan. Ini adalah kerana Defendan mendakwa bahawa Plaintiff telah mengingkari arahannya supaya tidak meneruskan perniagaan jualan langsung. Namun larangannya itu tidak diendahkan oleh Plaintiff.
2. Dakwaan ini juga disokong oleh keterangan daripada saksi-saksi Defendan. Pada awalnya, Plaintiff telah membenarkan Defendan untuk menjalankan perniagaan langsung tersebut, namun apabila perniagaan tersebut maju dan mendatangkan keuntungan, Defendan tidak membenarkan dengan alasan aktiviti perniagaan jualan langsung lebih banyak menimbulkan perkara negative berbanding positif apatah lagi pendapatan Defendan pada ketika itu adalah mencukupi untuk menampung belanja keluarga.

3. Pada kesemua masa yang material, Defendan tidak memfailkan apa-apa permohonan untuk mensabitkan Plaintiff seorang isteri yang nusyuz dan Defendan tidak mengemukakan apa-apa perintah nusyuz terhadap Plaintiff oleh mana-mana Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.
4. Di sini timbul suatu persoalan adakah keengganan Plaintiff untuk berhenti daripada bekerja sambilan dalam jualan langsung tersebut dikira sebagai nusyuz. Di sini kita perlu ketahui apakah yang dimaksudkan dengan nusyuz?
5. **Nusyuz** ertinya isteri enggan mentaati perintah atau permintaan suami yang sah di sisi syarak iaitu antara lain:
 - i) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
 - ii) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;
 - iii) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain,tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.
6. Mahkamah merujuk kepada Firman Allah di dalam surah al-Nisa ayat 128

Dan jika seorang perempuan bimbang (akan timbul) dari suaminya nusuz (kebencian), atau tidak melayannya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian diantara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai berai), sedang sifat bakhil kedekut (tak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semulajadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman) maka sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan

7. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Tirmizi, Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Tidak boleh seorang isteri keluar rumah kecuali dengan izin suaminya dan tidak boleh membawa (membenarkan) orang yang dibenci oleh suaminya masuk ke dalam rumahnya. (Riwayat al-Tibrani) Sabda Rasulullah bermaksud: Mana-mana isteri yang mati dan suaminya redha kepadanya, baginya syurga. (Riwayat al-Tirmizi).
8. Daripada dalil-dalil di atas, boleh disimpulkan di sini bahawa nusyuz adalah bermaksud isteri yang membelakangi suaminya dalam membuat sesuatu perkara dan membuat sesuatu yang tidak disukai oleh si suami.

9. Namun di dalam kes ini, sabitan nusyuz telah tidak dibuktikan oleh Defendan. Maka dakwaan nusyuz ke atas Plaintiff adalah dianggap sebagai dakwaan semata-mata. Maka Mahkamah berpendapat oleh kerana Defendan telah gagal untuk membuktikan bahawa Plaintiff adalah seorang isteri yang nusyuz maka Mahkamah menganggap Plaintiff berhak menuntut muta'ah daripada Defendan.
10. Mahkamah merujuk kepada kes **XXXXXX v XXXXXX (1983)3 JH 220**, Defendan menggunakan pembelaan nusyuz terhadap plaintiff, bahawa Plaintiff telah lari meninggalkan rumah dengan tanpa izinnya dan tiada sebab munasabah. Tuntutan asal plaintiff nafkah eddah ditolak.
11. Mahkamah juga ingin merujuk kepada kes **XXXXXX v XXXXXX (1987)7 JH 72**; dalam tuntutan eddah, hakim memutuskan isteri tidak nusyuz dan ia berhak mendapat nafkah eddah. Di dalam kes Salma v Mat Akhir; dakwaan nusyuz yang dinyatakan dalam pembelaan Defendan tidak diterima oleh mahkamah kerana telah gagal dibuktikan oleh Defendan.
12. Mahkamah juga ingin merujuk kepada kes **XXXXXX v XXXXXX (1980)3 JH 125**; Mahkamah mendapati Defendan gagal mengemukakan apa-apa perintah berkaitan Plaintiff pernah diisytiharkan nusyuz.

13. Begitu juga di dalam kes **XXXXXX v XXXXXX (1971)2 JH 108**; suami gagal membuktikan perkara nusyuz dan engkar isteri di dalam tuntutan muta'ah.

14. Secara pentadbiran, kes untuk pensabitan nusyuz adalah perlu difailkan apabila terdapat kes induk iaitu tuntutan perceraian. Ianya selaras dengan kehendak **Arahan Amalan Bil 11 Tahun 2001** yang menyatakan seperti berikut:-

..... arahan berhubung kes nusyuz. Kes ini hendaklah didengar dalam kes induk dan tidak perlu dibuat secara berasingan. Mana-mana kes nusyuz yang telah diputuskan sebelum daripada permohonan cerai, tidak boleh dibuka semula dalam kes permohonan cerai tersebut.....

15. Arahan amalan ini bermaksud tuntutan pengesahan nusyuz tidak boleh difailkan bersendirian kecuali mempunyai kes induk. Di dalam tindakan ini, semasa dalam proses perceraian, Defendan tidak memfailkan apa-apa permohonan untuk sabitan nusyuz. Maka dakwaan Defendan sendiri yang mengatakan Plaintiff telah nusyuz atas sebab tidak mengendahkan arahan Defendan supaya berhenti kerja jualan langsung adalah tidak boleh diterima oleh Mahkamah.

16. Maka di kes ini Mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff berhak untuk menuntut muta'ah daripada Defendan.

17. Dalam kes ini, Defendan telah menimbulkan isu mengkaitkan Plaintiff sebagai nusyuz. Tindakan ini adalah untuk menafikan hak tuntutan muta'ah yang telah dibuat oleh Plaintiff. Untuk itu, marilah sama-sama melihat sejauh manakah sabitan nusyuz boleh menafikan semua haknya.

18. Semua orang apabil isterinya memfailkan apa-apa tuntutan di Mahkamah, perkara utamanya dalam pembelaannya adalah mendakwa isterinya telah nusyuz. Tidak kedapatan langsung di dalam pembelaan isteri-isteri yang mengatakan suaminya nusyuz. Perkataan nusyuz menjadi sinonim atau pada mana-mana tuntutan. Seolah-olah apabila mendakwa isteri nusyuz maka ia bermakna tidak layak untuk mendapatkan semua haknya. Hak yang dituntut semuanya akan hilang. Hak hadhanah akan hilang, hak muta'ah akan hilang. Pendek kata semuanya akan hilang. Apakah dakwaan ini ada kebenarannya.

19. Mengikut Kitab Kifayatul Akhyar juzuk 2, muka surat 82 ada menjelaskan bahawa,

“Jika seseorang menceraikan isterinya sedangkan isteri nusyuz, maka isteri tersebut tidak ebrhak untuk mendapat tempat tinggal selama tempoh eddah. Ini adalah kerana isteri tersebut tidak berhak untuk mendapatkan nafkah dan tempat tinggal berdasarkan kepada konsep pernikahan”.

20. Mengikut Kitab I'anah Al-Talibin juzuk 4 muka surat 78,

“ Menurut ijmak, nafkah isteri gugur seluruhnya oleh kerana berlakunya nusyuz oleh isteri apabila isteri tidak mentaati suaminya walaupun perbuatan itu bagi setengah keadaan tidak mendatangkan dosa kepada isteri seperti isteri itu masih kecil, gila, atau terpaksa walaupun nusyuz itu seketika.

21. Daripada kedua-dua pandangan tersebut telah jelas bahawa apabila isteri tersebut disabitkan nusyuz maka isteri tersebut telah hilang kelayakan untuk mendapatkan hak nafkah dan tempat tinggal daripada suaminya. Ini bermakna lain-lain tuntutan adalah tidak menggugurkan haknya kecuali nafkah isteri dan tempat tinggalnya.

22. Ini adalah selaras dengan **Seksyen 60(2)(a)(b)(c) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002** telah memperuntukkan bahawa:-

“Tertakluk kepada hukum syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak munasabah menurut kemahuan serta perintah sah suaminya iaitu antara lain:-

- a) Apabila dia menjauhkan diri dari suaminya
- b) Apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya atau

c) Apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut hukum syara'.

23. Kehendak Seksyen 60 tersebut telah jelas menyatakan bahawa seseorang isteri apabila disabitkan nusyuz oleh Mahkamah maka ia tidak berhak untuk mendapatkan nafkah diri dan tempat tinggalnya. Ini diperkuatkan lagi dengan **Seksyen 66 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002** yang memperuntukkan:-

“Hak bagi seseorang isteri yang telah diceraikan untuk menerima nafkah daripada bekas suaminya di bawah mana-mana perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh eddah atau apabila isteri menjadi nusyuz”.

24. Ini jelas bahawa apabila ianya disabitkan oleh mahkamah maka nafkahnya terhenti serta merta.

25. Untuk mensabitkan nusyuz bukanlah terletak di tangan suami tetapi ia hendaklah dibuktikan dan diputuskan di Mahkamah. Mahkamah lah yang berhak menentukan samaada untuk sabit nusyuz atau tidak terhadap sesuatu permohonan yang telah dikemukakan.

26. Kesimpulannya bahawa jika seseorang isteri disabitkan nusyuz oleh Mahkamah maka isteri tersebut tidak boleh dan tidak berhak untuk menuntut nafkah eddah dan tempat tinggal walaupun sudah bercerai. Akan tetapi sekiranya isteri tersebut telah bertaubat maka semua haknya dikembalikan semula. Ini bermakna isterinya berhak menuntut semua haknya di Mahkamah.

27. Mahkamah berpendapat dalam soal nusyuz ini apabila seseorang isteri disabit nusyuz ianya hanya menggugurkan nafkah eddah dan tempat tinggalnya tetapi tidak menggugurkan haknya untuk mendapatkan pembayaran muta'ah.

28. Ini adalah kerana di dalam tafsiran Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 , Muta'ah bermaksud bayaran sagu hati mengikut hukum syarak setelah isterinya diceraikan. Tafsiran tersebut bermaksud sebagai saguhati dan bukan suatu pemberian nafkah.

29. Oleh yang demikian, jika Plaintiff telah disabitkan dengan nusyuz maka Plaintiff masih lagi berhak menuntut pembayaran muta'ah daripada Defendan.

30. Maka dalam hal ini, Mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff berhak untuk menuntut muta'ah daripada Defendan.

PERSOALAN KELIMA

BERAPAKAH KADAR MUTA'AH YANG PERLU DIKENAKAN KE ATAS DEFENDAN.

- 1) Mengenai persoalan fakta yang kelima ini, Mahkamah berpendapat ada 3 pendapat ulama mengenai kadar muta'ah.

i) Pandangan Pertama:

Muta'ah diFardukan berdasarkan keadaan suami

Ini berdasarkan Firman Allah Taala:

(ومتعوهن وعلى الموسع قدره وعلى المقتر قدره)

Berikan Muta'ah, orang yang kaya mengikut kekayaannya manakala orang yang miskin mengikut kadar kemiskinannya.

Surah al-Baqarah (2) ayat 236

Ayat di atas menunjukkan bahawa kadar Muta'ah adalah berdasarkan kepada keadaan suami, ini adalah kerana Ganti nama didalam ayat Al-Quran diatas (°) merujuk kepada suami.

Mahkamah merujuk kepada kes **XXXXXX lwn XXXXXX JH 18/2 muka surat 259**, Dato Hj Zohdi Bin Toha telah menyatakan dalam penghakimannya bahawa

kadar bayaran yang patut di bayar adalah berdasarkan dengan kemampuan atau pendapatan suami bertepatan dengan dalil di atas. Tiada formula untuk menentukan kadar yang perlu diberi, yang ada hanyalah mengikut ukuran KAYA/SENANG atau MISKIN/SUSAHNYA pendapatan suami dan pada yang sama melihat juga kepada kedudukan atau taraf pihak isteri.

ii) Pandangan kedua:

Muta'ah dinilai berdasarkan kepada keadaan isteri

Ini berdasarkan Firman Allah Taala:

"متاعا بالمعروف"

Terjemahannya "*Pemberian yang patut bagi bekas isteri*"

Berdasarkan ayat di atas, golongan kedua ini berpendapat bahawa Muta'ah adalah dilihat kepada keadaan bekas isteri ini berdasarkan mafhum ayat di atas bahawa adalah tidak dikira patut sekira diberikan Muta'ah dengan pakaian yang tidak berkualiti kepada bekas isterinya yang kaya. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa Muta'ah adalah kedudukannya seperti separuh mahar mithil. Mahar Mithil adalah ditentukan oleh berdasarkan keadaan keluarga perempuan.

iii) Pandangan Ketiga:

Muta'ah adalah dinilai berdasarkan keadaan kedua-dua belah pihak.

Menurut kebanyakan Ulama Mazhab al-Syafie berpandangan ianya diserahkan kepada Hakim dalam menentu kadar Muta'ah.

Ini berdasarkan didalam kitab Mazhab Syafie "Faidul ilah al-Malik

فيض الإله المالك في حل ألفاظ عمدة السالك وعدة الناسك

للعالم العلامة السيد عمر بركات

المتعة وهى شئ (من المال) يقدره الحاكم بإجتهاده (والواجب في ما يتراضى الزوجان عليه ، وإذا حصل التراضى على شيء قليلا كان أو كثيرا فذاك وإلا فيقدره الحاكم ، فلا يرجع إليه إلا عند التنازع) ويعتبر الحاكم (في تقديره) فيه (أى في الشئ الواجب) حال الزوجين (من يسار الزوج وإعساره ونسب المرأة وصفاتها السابقة)

Muta'ah ialah sesuatu daripada harta yang ditentukan oleh Hakim dengan Ijtihatnya iaitu harta yang dipersetujui di antara suami isteri, sekiranya dipersetujui diantara kedua belah pihak, maka itulah kadar Muta'ah, manakala sekiranya tidak ada kesepakatan tentang kadar Muta'ah maka Hakim akan menentukan kadar Muta'ah tersebut.

Kaedah Hakim dalam menentukan kadar Muta'ah adalah berdasarkan keadaan suami isteri dari sudut senang dan susahnyanya dan juga kepada keadaan keturunan isteri tersebut dan sifatnya.

2) Menurut di dalam kitab " الفقه الشافعي الميسر " karangan Prof Dr. Wahbah az-Zuhailiy, hlm. 99 jld.2, cetakan Dar al-Fikr tahun 2008 ada menyebut:

يستحب ألا تنقص المتعة عن ثلاثين درهما أو ما قيمته ذلك , وأعلىها خادم , وأوسطها شوب ويسن ألا تبلغ نصف مهر المثل , فإن بلخته أو جاوزته جاز , لاطلاق الآية السابقة

Disunatkan pada kadar muta'ah tidak kurang daripada 30 dirham atau yang senilai dengannya. Setinggi-tinggi kadar muta'ah ialah seorang khadam. Pertengah kadar muta'ah ialah sepasang kain. Dan disunatkan muta'ah itu tidak melebihi kadar Mahar Mithil.

Maka hukumnya adalah harus jika kadar muta'ah itu menyamai kadar mahal mithil atau lebih daripadanya.

Ini adalah berlandaskan pada umum ayar Al-Quran:

ومتعوهن و على الموسع قدره و على المقتر قدره

Surah Al-Baqarah (2) ayat 236

Berikan muta'ah, orang yang kaya mengikut kekayaannya manakala orang yang miskin mengikut kadar kemiskinannya.

- 3) Ini juga berdasarkan daripada riwayat Abdullah bin Umar r.a. sepertimana katanya:

قل : يمتعها بشلا شين درهما

Berikan muta'ah kepada isteri yang telah ditalaqkan sebanyak 30 dirham.

Riwayat Imam al-Baihaqi (jld. 7, hadis 244)

- 4) Di sini Mahkamah berpendapat bahawa kadar muta'ah yang boleh dikira adalah berdasarkan pandangan pertama di mana merujuk kepada kemampuan si suami samaada KAYA, SEDERHANA atau MISKIN.
- 5) Bagaimana boleh dikatakan seorang suami itu adalah seorang yang KAYA? Di dalam kes **XXXXXX lwb XXXXXX**, Mahkamah melihat bahawa Defendan adalah seorang yang kaya dan berkemampuan serta berkeupayaan untuk membayar muta'ah kepada Plaintif sebanyak \$25,200.00. Defendan adalah seorang yang berpangkat Dato'. Hakim di dalam kes tersebut merujuk kepada Kitab Al-Ehwal Shaksiah fi Ahkam Zaujat Watalaq di mana Hassan Bin Abi Talib menjadi khalifah beliau telah menceraikan isterinya, apabila selesai eddah bekas isterinya, beliau telah menghantar wakil untuk

membayar 10 ribu dinar kepada bekas isteri sebagai wang muta'ah. Jika masa itu Khalifah Hassan boleh membayar sebanyak 10 ribu dinar, maka tidak menjadi kepayahan kepada Mahkamah meluluskan wang muta'ah yang dituntut oleh Plaintiff di dalam kes XXXXXX tersebut.

- 6) Mahkamah juga akan membuat pertimbangan dan pengiraan berdasarkan kes XXXXXX. Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX JH 18/2** muka surat 259, Mahkamah berpendapat suami atau Defendan di dalam kes tersebut adalah seorang yang SEDERHANA di mana hanya berpendapatan sebanyak RM10, 000.00 sahaja sebulan sebelum ditolak hutang-hutang yang ada. Maka Mahkamah memutuskan bahawa Plaintiff tidak berhak untuk menuntut muta'ah yang berjumlah RM144, 000.00 dan jumlah tersebut adalah tidak wajar dipertimbangkan.
- 7) Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX (1978) Jld 1 muka surat 75**, Defendan adalah seorang pelayan pejabat yang hanya mendapat gaji sebanyak RM295.00 sebulan. Maka di dalam kes tersebut Mahkamah telah memerintahkan Defendan agar membayar muta'ah kepada Plaintiff sebanyak RM500.00.
- 8) Ada terdapat dalam beberapa kes yang mana hakim telah membuat formula khusus untuk menentukan samaada seorang suami itu Miskin Kaya atau sederhana.

- 9) Mahkamah ingin merujuk kepada kes **XXXXXX lwn XXXXXX JH (1995) Jld X, 33** di mana terdapat kaedah bagaimana sesuatu mut'ah harus dibahagikan dan kaedah tersebut adalah seperti berikut:-

Jenis	Pendapatan Suami	Muta'ah Yang Diberi
Miskin	Bawah RM500.00	RM30.00 – RM500.00
Sederhana	RM500.00 – RM1,500.00	RM500.00 – RM1,500.00
Kaya	Lebih RM1,500.00	RM2,000.00 dan ke atas

- 10)Maka di dalam kes ini kita perlu melihat kepada pendapatan Defendan sebulan. Defendan adalah seorang tentera semasa perkahwinan. Kemudian Defendan bekerja dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan memperolehi gaji sebulan sebanyak RM1, 700.00 sebulan. Selain daripada itu, Defendan pernah mendapat wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM56, 000.00 dan wang gratuity sebanyak RM46, 800.00.54.

- 11)Defendan juga mempunyai beberapa harta yang dijadikan asset iaitu rumah sewa di Taman Bukit Katil, rumah di Kampung Ladang Semabok, Melaka dan sebuah rumah di Taman Bukit Katil, Melaka.

12) Jika dilihat kepada panduan di atas, Defendan boleh dikatakan seorang yang kaya berdasarkan gaji semasa bekerja dengan TNB dan juga harta-harta yang telah dijadikan sebagai asset dalam kehidupannya. Namun begitu selepas beliau tamat perkhidmatan dengan TNB maka pendapatan beliau adalah berkurangan.

Perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan juga hampir mencecah 28 tahun dan sudah tentulah dalam tempoh tersebut banyak jasa dan pengorbanan yang dicurahkan oleh Plaintiff sebagai seorang isteri Defendan.

13) Berdasarkan kepada tuntutan muta'ah Plaintiff sebanyak RM151, 200.00 adalah kurang munasabah. Ini adalah kerana pihak Defendan sekarang ini tidak bekerja lagi dengan TNB. Hanya mendapat pencen tentera sebanyak RM900.00 sebulan. Sehubungan dengan itu juga pihak Defendan telah berkahwin lain dan hasil perkahwinan tersebut telah memperolehi beberapa orang anak. Apabila mempunyai keluarga maka tentulah memerlukan perbelanjaan untuk menyara keluarga.

14) Mahkamah juga melihat kepada kedudukan asset tanah dan rumah yang sedia ada. Defendan telah mempunyai sebuah rumah teres 2 tingkat di Taman Bukit Katil. Rumah tersebut telah disewakan. Defendan juga mempunyai 2 buah rumah yang beralamat seperti berikut:-

- i) Lot 963, Kampung Ladang, Semabok. Tanah tersebut di atas nama Plaintiff dan rumah tersebut didiami oleh Defendan.
 - ii) Sebuah rumah lagi no No. 22, Jalan Bayan 4, Taman Bukit Katil Melaka.
- 15) Defendan juga telah menerima wang EPF sebanyak RM56,000.00. Beliau juga telah menerima wang gratuiti (ganjaran) Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak RM46, 800.54.
- 16) Mahkamah berpendapat bahawa penentuan muta'ah hendaklah juga mengambil kira keadaan semasa, kemunasabahan dan keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat. Mengikut kes **XXXXXX lwn XXXXXX (2004) Syariah muka surat 316** yang telah diputuskan oleh Allahyarham Professor Ahmad Ibrahim dengan menyatakan bahawa:-

“Untuk menentukan jumlah muta’ah, Mahkamah tidak perlu memandangkan ke belakang dan mengira muta’ah . Muta’ah itu atas kadar harian untuk masa perkahwinan. Mentaksirkan muta’ah, menimbangkan apa yang adil dan munasabah memandangkan kepada kedudukan kewangan dan social pihak-pihak dan bukan atas kata pembayaran harian untuk masa perkahwinan itu.”

17)YA Hakim dalam kes ini telah membuat keputusan berdasarkan kadar kemunasabahan kedudukan kewangan serta keadaan sosial ekonomi pihak yang merayu.

18)Berdasarkan kes tersebut Mahkamah akan cuba membuat pengiraan berdasarkan kepada keputusan tersebut. Mahkamah akan mengambil kira berdasarkan tempoh perkahwinan mereka selama 28 tahun, jumlah tuntutan yang dipohon, serta jumlah pendapatan terkini Defendan dengan dibandingkan dengan keadaan sosial ekonomi Defendan. Dalam kes ini Mahkamah cuba merangka satu formula seperti berikut:-

Lamanya tuntutan dibahagikan dengan pendapatan terakhir Defendan dan dikali dengan jumlah tuntutan muta'ah

Lamanya tuntutan x Jumlah tuntutan muta'ah

Jumlah pendapatan

28 tahun x RM151,200.00 = RM47,039.98

RM900.00

19)Mahkamah berpendapat bahawa RM47, 000.00 adalah satu jumlah muta'ah yang munasabah, adil dan tepat. Ini adalah kerana jumlah

tersebut tidak terlalu membebankan Defendan dan tidak menyusahkan Defendan. Ianya bersifat sederhana dan mampu untuk membayarnya.

20) Dengan kadar tersebut, saya berpendapat bahawa pihak isteri boleh memulakan penghidupan barunya dengan tidak bergantung kepada keluarganya. Dengan wang tersebut bekas isteri boleh membina kehidupan dengan melakukan pelbagai aktiviti agar tidak lagi memikirkan perkara yang membawa kepada kerungsingan dan penyakitan hati terhadap perkara yang lepas terutama tindakan pertuduhan curang terhadapnya.

21) Itulah maksud muta'ah sebenarnya sebagai menyukakan hati bekas isterinya kerana perceraian tersebut menyakitkan dan merungsingkan hatinya. Dengan pemberian muta'ah tersebut ianya tidak membiarkan bekas isterinya terlantar, terbiar, tidak dibela.

22) Di atas keterangan dan hujahan yang diberikan oleh kedua belah pihak, Mahkamah berpuas hati bahawa kadar yang telah ditentukan adalah menggambarkan Defendan berkemampuan untuk membayar muta'ah sepertimana yang diperintahkan.

KEPUTUSAN

- 4) Maka dengan ini Mahkamah sabitkan tuntutan muta'ah Plaintiff sebanyak RM47,0000.00. Dengan ini Mahkamah hukumkan dan perintahkan Defendan XXXXXX hendaklah membayar muta'ah kepada Plaintiff sebanyak RM47,000.00 (Empat Puluh Tujuh Ribu Sahaja).
- 5) Bayaran ini hendaklah dibuat secara ansuran atau tunai.
- 6) Perintah ini berkuatkuasa serta merta mulai hari ini, 9.5.2012.